

WAJIB MENGENAL HAKIKAT:

Seorang saudagar dengan anaknya yang juling

(Dipetik dan dibaiki daripada syair “Raja Hantu Pandai”)

(Oleh Za‘ba)

1. Hakikat sesuatu baik diperiksa,
Sampai tidak kita terpesa,
Fikirkan habis berpanjang masa,
Jikalau tidak, akhir binasa.
Memandang sesuatu dualah nyata,
Bagaimana akhirnya beroleh lata,
Kerana kesalahan hakikat semata.
2. Apabila telah hakikat didapat,
Di situ petunjuk tentu merapat,
Tujuan kehendak berbetulan tepat,
Tiada kesamaran zat dan sifat.
7. Adalah seorang saudagar kaya,
Hatinya murah perangnya mulia,
Berbuat kebajikan suka dan ria,
Dikasihi oleh segala manusia.
3. Jika hakikat tiada diperolehi,
Tujuan yang benar tentu beralih,
Payahlah hendak berbalik pulih,
Rugi dan sesat sahaja yang boleh.
8. Banyaklah orang kepadanya datang,
Tiada berputusan pagi dan petang,
Seprahnya sediakala terbentang,
Siapa berkehendakkan tiadalah pantang.
4. Wahai saudara jauhi malang,
Haluskan fikir jangan kepalang,
Seribu hisab hendaklah bilang,
Jangan kepenatan rugi dan hilang.
9. Banyaklah orang gharib dagangnya,
Kepada saudagar jadi tumpangan,
Saudagar sedia membentang tangan,
Tiada memandang kepada keuntungan.
5. Jika hakikat tiada ketara,
Keraplah jadi bahaya dan mara,
Seperti di dalam suatu ceritera,
Seorang saudagar di sebuah negara.
10. Anak saudagar muda sebahawa,
Matanya juling pemandangannya dua,
Zahir kepadanya apa-apa jua,
Nampak berpasang di matanya semua.
6. Dengan anaknya yang juling mata,
11. Ada kepada suatu waktu,
Datang kepada saudagar bermutu,
Seorang tumpangan mulianya tentu,
Daripada kenalan saudagar itu.

12. Menerimalah ia kedatangan taulan,
Dijamunya dengan layak kebetulan,
Bersuka-sukaan kedua handalan,
Maklumlah baharu bertemu kenalan.
13. Tatkala makan selesai telah,
Segala hidangan diambil sudah,
Lalu saudagar pun berkatalah,
“Wahai sahabatku barang tahulah:
14. “Rindunya hamba bukan kepalang,
Akannya tuan tiadalah hilang,
Beberapa lama tahun dibilang,
Bulan dan hari berulang-ulang.
15. “Lamalah sungguh sahabatku gusti,
Kedatangan tuan hamba menanti,
Baharulah ini tuan melawati,
Sangatlah suka hamba di hati.
16. “Kerana menyukakan kedatangan sahabat,
Hamba sediakan sebalang syurbat,
Di simpan digetang dengan berbabat,
Layaklah tanda ikhlas muhibbah.”
17. Sahabat saudagar mendengar kata,
Di dalam hatinya amat sukacita,
Menuturkan terima kasih semata,
Syukurkan budi beribu juta.
18. Saudagar segera mengambil anaknya,
Iaitu juling, dua pemandangannya,
Balang bergetang disuruh ambilnya,
Di dalamnya syurbat amat lazatnya.
19. “Mengambilnya itu hendaklah jaga,
Janganlah pecah balang berharga,
Sayang hatiku tiada terhingga,
Shurbatnya sangat memuaskan dahaga.
20. “Adapun balang shurbat itu,
Kepada aku hanyalah satu,
Hemah mengambilnya, jangan tak tentu,
Jikalau pecah hatiku mutu.”
21. Anak yang juling pergilah segera,
Dilihatnya balang dua ketara,
Keduanya sepasang sama setara,
Tiada berbeza rupa antara.
22. Jadilah hatinya terlalu mutu,
Kerana perkataan bapanya tentu,
Mengatakan balang hanyalah satu,
“Sekarang kulihat dua sekutu.”
23. Segera berkhobar kepada bapa:
“Balang tu dua hamba berjumpa;
Yang mana satu ayah nak tempa?
Kepada hamba terangkan apa.”
24. Saudagar mendengar malu dicita,
Kepada taulannya yang ada berserta,
Takut disangkanya ia berdusta,
Kepada anaknya lalu berkata:
25. “Wahai anakku utama jiwa,
Jikalau sungguh balang tu dua,
Anakku pecahkan yang satu jua,
Yang tinggal satu ke mari bawa.”

-sambungan pada muka 31